

Prestasi ekonomi semakin teguh: PM

Pertumbuhan KDNK suku pertama catat 5.3 peratus

Oleh Shamshul Azree Samshir dan Faiza Zainuddin

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.3 peratus pada suku pertama tahun ini menunjukkan prestasi ekonomi negara terus berada pada landasan teguh.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan menggalakkan itu berteraskan beberapa petunjuk ekonomi, malah kadar KDNK yang direkodkan bagi suku pertama tahun ini meningkat berbanding 5.2 peratus pada suku keempat 2005.

"Walaupun kita berhadapan dengan cabaran luaran dan dalam negeri, pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus berkembang pada kadar enam peratus tahun ini," katanya pada majlis Konsultasi Bajet 2007 di Kementerian Kewangan, semalam.

Sesi perundingan itu yang dihadiri pertumbuhan bukan kerajaan (NGO), wakil industri dan persatuan pengguna, bertujuan mendapatkan maklum balas mengenai Bajet 2007.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, jangkaan pertumbuhan ekonomi enam peratus dijana

prestasi sektor luaran yang semakin memberangsangkan, terutama peningkatan kitaran elektronik global, harga komoditi utama yang kukuh serta peningkatan pesat perbelanjaan permintaan dalam negara.

Beliau berkata, pertumbuhan KDNK pada kadar 5.3 peratus bagi suku pertama tahun ini dianggap menggalakkan bersandarkan sekurang-kurangnya empat petunjuk utama ekonomi.

Pertama, perbelanjaan permintaan dalam negeri terus mantap, berkembang 7.6 peratus dengan peningkatan dalam penggunaan dan pelaburan sektor swasta yang disokong harga komoditi utama yang terus tinggi.

Abdullah berkata, harga komoditi utama yang tinggi juga membantu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar terutama petani berikutan harga getah mencecah RM8.17 sen sekilogram pada 23 Mei lalu, yang tertinggi dalam tempoh 20 tahun.

"Minyak sawit juga mencatat harga tertinggi tahun ini iaitu RM1,468 setan pada 1 Mac lalu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kedudukan nilai tukaran asing bagi ringgit bertambah kukuh dengan mencatat peningkatan enam peratus kepada

RM3.58 bagi AS\$1 pada 11 Mei lalu.

"Ini adalah yang terbaik dalam tempoh lapan tahun berikutan pemansuhan langkah tambatan ringgit pada 21 Julai 2005," katanya sambil menambah negara terus mencatat lebih imbangan perdagangan melebihi 100 bulan sejak November 1997.

Beliau berkata, rizab antarabangsa negara kembali meningkat kukuh kepada RM289.5 bilion atau AS\$78.6 bilion pada 15 Mei lalu, berbanding RM266.4 bilion atau AS\$70.5 bilion pada akhir 2005," katanya.

"Kedudukan kewangan juga semakin mengukuh dengan defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan berkurangan dari paras tertinggi sebanyak 5.8 peratus daripada KDNK pada 2000 kepada 4.3 peratus pada 2004 dan

3.8 peratus pada 2005," katanya.

Abdullah berkata, Memanfaatkan Kepelbagaian dan Sumber Negara Bagi Pertumbuhan Berkualiti dipilih sebagai tema Bajet 2007 kerana Malaysia mempunyai banyak kelebihan dan kekuatan tersendiri, terutama dari segi kepelbagaian dan kurniaan sumber asli termasuk rakyat berbilang kaum, agama dan adat resam.

Sementara itu di **KEPALA BATA**S, Abdullah berjanji menjadikan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menjadi asas kepada perediaan Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Beliau berkata, jangka masa 15 tahun bukannya lama untuk membangunkan bangsa yang kuat dan menjadi negara makmur.

Katanya, dasar dan perancangan RMK-9 yang merangkumi pembangunan sosial, ekonomi dan pembentukan siasah membolehkan sesiapa saja yang memimpin negara ini mempunyai dasar bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Jangan pertikaikan kemampuan saya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020," katanya sempena Forum Perdana Hal Ehwal Islam Khas di Dewan Millennium di sini, malam tadi.

FAKTA NOMBOR
Rizab antarabangsa negara
RM289.5b
Pada 15 Mei lalu
RM266.4b
Pada akhir 2005